

07 MAR 1997

Mandela - Yahaya (dengan gambar)

MANDELA BERI PENGHORMATAN TINGGI KEPADA YAHAYA

SHAH ALAM, 7 Mac (Bernama) -- Presiden Nelson Mandela dari Afrika Selatan hari ini memberi penghormatan tertinggi kepada usahawan terulung Malaysia, Allahyarham Tan Sri Yahaya Ahmad, kerana sumbangan beliau ke arah mewujudkan hubungan perniagaan antara kedua-dua negara.

Yahaya dan isterinya, Allahyarhamah Puan Sri Rohana Othman, terbunuh dalam kejadian helikopter terhempas dekat Kuala Lipis Isnin lepas. Beliau ialah pengerusi kumpulan DRB-Hicom dan juga pengerusi beberapa syarikat lain termasuk Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton).

Semasa memberi penghormatan itu, Mandela juga mengucapkan salam takziahnya dan juga rakyat Afrika Selatan kepada keluarga Allahyarham.

"Kepada Hicom, rakyat Malaysia dan terutamanya keluarga Allahyarham Tan Sri Yahaya, saya mengucapkan takziah bagi pihak kami, kerajaan Afrika Selatan, ahli-ahli perniagaan Afrika Selatan dan rakyat Afrika Selatan," kata beliau semasa berucap di kilang Proton di sini hari ini.

Ketibaan Mandela, yang sedang melawat Malsysia selama lima hari sejak semalam, ke premis kilang itu disambut oleh Penasihat Ekonomi Kerajaan, Tun Daim Zainuddin, Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom yang baru dilantik, Datuk Mohd Saleh Sulong, Naib presiden (Operasi & Strateji) Proton, Tengku Mahaleel Tengku Ariff dan pegawai-pegawai kanan Proton.

Beliau diberi sambutan permaidani merah sebelum diiringi oleh Mohd Saleh untuk menerima tabik hormat barisan kehormat oleh kakitangan keselamatan Proton. Beliau kemudiannya di bawa ke auditorium untuk acara seterusnya.

Mandela berkata beliau sepatutnya menemui Allahyarham Yahaya pagi ini di kilang itu untuk mempererat lagi hubungan yang pantas meningkat yang diusahakan oleh beliau (Yahaya) antara ahli-ahli perniagaan Malaysia dan Afrika Selatan.

"Bagaimanapun, malangnya, kita bertemu di sini hari ini dalam keadaan yang syngguh memilukan," kata beliau.

Mandela berkata kematian Yahaya merupakan satu kehilangan besar bukan sahaja kepada Malaysia di mana beliau membawa kejayaan ekonomi kepada mercunya yang menerima penghormatan antarabangsa tetapi juga kepada rakyat Afrika Selatan.

Katanya rakyat negaranya merasai kehilangan itu kerana ia terjadi pada ketika Yahaya sedang memberi keutamaan dan mengambil minat yang aktif dalam kerjasama Malaysia-Afrika Selatan.

Bagaimanapun, Mandela berkata kerajaan negaranya yakin bahawa jumlah dan keluasan hubungan perdagangan dan perniagaan antara kedua-dua negara tidak akan terbantut atau tergelincir oleh perubahan-perubahan keadaan.

"Namun begitu, kita tidak boleh berpura-pura bahawa kematian secara trajik sahabat Afrika Selatan yang berkebolehan dan komited ini tidak akan meninggalkan kesan kehilangan," kata beliau.

Mandela berkata Malaysia kini menyumbangkan kumpulan pelabur nasional yang keempat terbesar di Afrika Selatan ekoran dari lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke negara itu pada bulan Ogos 1995.

Secara peribadinya, kata beliau, Allahyarham Yahaya telah menunjukkan minat berterusan untuk menubuhkan kilang pemasangan kenderaan bermotor di Afrika Selatan dan juga kilang mengeluarkan motosikal.

Mandela berkata wawasan Yahaya selaras dengan hasrat mereka bagi menggalakkan peniaga-peniaga kulit hitam mengadakan rundingan usahasama dengan Hicom.

Dalam ucapan aluannya, Mohd Saleh berkata beliau yakin bahawa pemahaman mengenai operasi Proton dari lawatan Mandela itu akan membuka jalan kepada kerjasama yang lebih erat antara Proton dan Industri automatif Afrika Selatan.

Katanya Proton berhasrat menerokai kemungkinan mengadakan usahasama di Afrika Selatan untuk memperkenalkan kereta motosikal nasional Malaysia di sana.

Mohd Saleh kemudiannya memberitahu pemberita bahawa Modenas, pembuat motosikal nasional "Keris" juga berhasrat mengeksport ke negara itu dan juga menubuhkan kemudahan pengeluaran di sana.

Sebagai tanda penghormatan hadirin bertafakur selama seminit manakala yang beragama Islam membaca Al-Fatihah selepas ucapan Presiden Mandela yang kemudiannya menandatangani buku takziah. -- BERNAMA

Km WAT